



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 2 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	SEDUTAN PROGRAM APA KHABAR MALAYSIA 1 NOVEMBER 2023: BULAN KELUARGA KEBANGSAAN 2023	
	https://www.youtube.com/watch?v=zrk6_kCUkpU	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=4I4aZyLu3Mg	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=uWBjbk70ZOE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
2	ISU BULI, KEMAMPUAN PDRM TANGANI JENAYAH SIBER AKAN DIJAWAB MENTERI DI DEWAN RAKYAT	
	https://www.buletintv3.my/nasional/isu-buli-kemampuan-pdrm-tangani-jenayah-siber-akan-dijawab-menteri-di-dewan-rakyat/	BULETINTV3.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=WH45XiNs5QY	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
3	OVER 1,300 NEGLECTED KIDS PLACED IN 39 WELFARE BODIES NATIONWIDE, SAYS WOMEN'S MINISTRY	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/01/over-1300-neglected-kids-placed-in-39-welfare-bodies-nationwide-says-womens-ministry	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
4	100 PESERTA SERTAI KEMPEN KESEDARAN KANSER YAKULT	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/100-peserta-sertai-kempen-kesedaran-kanser-yakult/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	51 KANAK-KANAK BAWAH JKM TAK ADA DOKUMEN PENGENALAN DIRI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1171764/51-kanak-kanak-bawah-jkm-tak-ada-dokumen-pengenalan-diri	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/632488/berita/nasional/51-kanak-kanak-seliaan-jkm-tiada-dokumen-pengenalan-diri	SINARHARIAN.COM.MY
	https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/dokumen-pengenalan-diri-hanya-51-kanak-kanak-di-institusi-jkm-belum-miliki	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/parlimen-hanya-51-kanak-kanak-di-bawah-jkm-belum-peroleh-dokumen-pengenalan-diri/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	43 ORANG PESERTA DIKENALPASTI BAGI MENGIKUTI PROGRAM ANJUNG SINAR	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/43-orang-peserta-dikenalpasti-bagi-mengikuti-program-anjung-sinar-x8p91yx	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=uUkYJlmmZmY	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=0_2UeKpUKvU	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
7	110 PELAJAR ASNAF, B40 DI CHERAS TERIMA BANTUAN YBR	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/110-pelajar-asnaf-b40-di-cheras-terima-bantuan-ybr/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026003/110-pelajar-b40-terima-bantuan-ybr	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	BULI, KEMAMPUAN POLIS TANGANI JENAYAH SIBER ANTARA ISU DIKUPAS DEWAN RAKYAT HARI INI	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1171712/buli-kemampuan-polis-tangani-jenayah-siber-antara-isu-dikupas-dewan	BHARIAN.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/684943	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/buli-kemampuan-polis-tangani-jenayah-siber-antara-isu-dikupas-dewan-rakyat-hari-ini-444172	ASTROAWANI.COM
	https://www.newsarawaktribune.com.my/bullying-in-schools-measures-to-tackle-cybercrimes-among-focus-of-parliament-wednesday/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://themalaysianreserve.com/2023/11/01/bullying-in-schools-measures-to-tackle-cyber-crimes-among-focus-of-parliament-wednesday/	THEMALAYSIANRESERVE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
9	BERHENTI KERJA JAGA BAPA UZUR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1025749/berhenti-kerja-jaga-bapa-uzur	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WANITA MELAYU PERLU ADA MINDA BAHARU	
	https://www.utusan.com.my/rencana/forum/2023/11/wanita-melayu-perlu-ada-minda-baharu/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	KANAK-KANAK ORANG ASLI CIRIT-BIRIT TERUK NAIK HELIKOPTER KE HOSPITAL	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/kanak-kanak-orang-asli-cirit-birit-teruk-naik-helikopter-ke-hospital/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	29.7 PERATUS KANAK-KANAK DI TASKA MENGALAMI MASALAH BANTUT	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/29-7-peratus-kanak-kanak-di-taska-mengalami-masalah-bantut-x8p91ze	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=hVINekFTPmU	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
13	'TIGA KALI JANTUNG ISTERI SAYA BERHENTI BERDEGUP'	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1025832/tiga-kali-jantung-isteri-saya-berhenti-berdegup	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
14	PLATFORM KEWANGAN KANAK-KANAK TERIMA DANA PEMBIAYAAN GOBI PARTNERS, KMP	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/platform-kewangan-kanakkanak-terima-dana-pembiayaan-gobi-partners-kmp-444186	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
15	ANAK OKU TANGGUNG IBU TERLANTAR, ABANG HIDAP SAWAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/632466/video/video-shorts/anak-oku-tanggung-ibu-terlantar-abang-hidap-sawannbsp	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=eI7jvvw0TWs	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	KUSKOP TIMBANG BERI OKU SEWA PREMIS PERNIAGAAN DI BANGUNAN KERAJAAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/632533/berita/nasional/kuskop-timbang-beri-oku-sewa-premis-perniagaan-di-bangunan-kerajaan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/01/sedia-timbang-sewa-premis-perniagaan-di-bangunan-kerajaan-kepada-usahawan-oku/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	HAKIM SEBAK, JATUH HUKUM PENJARA 14 TAHUN TERHADAP IBU TUNGGAL, RAKAN SERUMAH DERA ANAK	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1025841/hakim-sebak-jatuh-hukum-penjara-14-tahun-terhadap-ibu-tunggal-rakan-serumah	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/ibu-rakan-wanita-dipenjara-tujuh-tahun-aniaya-anak-hingga-cedera-444239	ASTROAWANI.COM
	https://tvstv.my/2023/11/01/ibu-rakan-wanita-dipenjara-tujuh-tahun-aniaya-anak-hingga-cedera/	TVSTV.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2240530	BERNAMA.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/632485/berita/semasa/hakim-sebak-jatuh-hukum-jel-14-tahun-terhadap-ibu-tunggal-rakan-serumah-dera-anak	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=ORP58Y8yFHI	YOUTUBE
	https://www.youtube.com/watch?v=nl6fhNZoo3U	YOUTUBE
	https://selangorkini.my/2023/11/ibu-tunggal-rakan-wanita-dera-budak-lelaki-dipenjara-tujuh-tahun/	SELANGORKINI.MY
	https://www.buletintv3.my/nasional/padah-dera-anak-ibu-tunggal-rakan-serumah-dipenjara-14-tahun/	BULETINTV3.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/hakim-sebak-kenang-nasib-budak-didera-ibu-kandung-tomboy/	KOSMO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
18	DUA KANAK-KANAK DITEMUKAN LEMAS DALAM KOLAM UDANG	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172061/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-dalam-kolam-udang	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2240703	BERNAMA.COM
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1026045/dua-kanak-kanak-ditemukan-lemas-dalam-kolam-ternakan-udang	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/632580/berita/semasa/dua-kanak-kanak-lemas-jatuh-kolam-udang	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/01/2-kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-udang/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://malaysiagazette.com/2023/11/01/dua-kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-udang/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
19	TAK PUAS HATI AGIHAN UNTUNG, WANITA TIKAM RAKAN KONGSI 15 KALI	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/01/tak-puas-hati-agihan-untung-wanita-tikam-rakan-kongsi-15-kali/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/tidak-berpuas-hati-agih-hasil-keuntungan-wanita-tikam-rakan-kongsi-15-kali/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/11/1025919/langgar-rakan-kongsi-perniagaan-sebelum-tikam-15-kali	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/01/wanita-warga-emas-ditemui-maut-dengan-15-kesan-tikaman/	MALAYSIAGAZETTE.COM
	https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-dilanggar-ditikam-15-kali-rakan-niaga/	BULETINTV3.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/685034	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
20	MAYAT WANITA DISYAKI MANGSA PEMBUNUHAN DITEMUI DALAM LONGKANG	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/mayat-wanita-disyaki-mangsa-pembunuhan-ditemui-dalam-longkang/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1171772/wanita-maut-dipercayai-dibunuh	BHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=nc2wyuAvB-Q	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
21	GURU WANITA DITEMUKAN SELAMAT DI HOSPITAL AMPANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026047/guru-wanita-ditemukan-selamat-di-hospital-ampang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	LELAKI DIPENJARA KERANA SEBAR GAMBAR BOGEL TEMAN WANITA	
	https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2023/11/1171846/lelaki-dipenjara-kerana-sebar-gambar-bogel-teman-wanita	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
23	10 WANITA MANGSA PEMERDAGANGAN MANUSIA DISELAMATKAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/632578/berita/semasa/10-wanita-mangsa-pemerdagangan-manusia-diselamatkan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://selangorkini.my/2023/11/imigresen-selamatkan-10-wanita-warga-asing-dieksplotasi-jadi-tukang-urut/	SELANGORKINI.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-selamatkan-10-wanita-jadi-mangsa-pemerdagangan-manusia-di-seremban-444298	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
24	POLIS TAHAN WANITA KOMEN TIMBUL KETEGANGAN AGAMA, KAUM	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1025935/polis-tahan-wanita-komen-timbul-ketegangan-agama-kaum	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
25	T'GANU WANITA MCA AIMS TO EMPOWER WOMEN ENTREPRENEURS WITH DIGITAL KNOWLEDGE	
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/01/t039ganu-wanita-mca-aims-to-empower-women-entrepreneurs-with-digital-knowledge	THESTAR.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
26	TIGA WANITA SARAWAK KUASAI PENTAS 'MRS QUEEN OF THE WORLD MALAYSIA 2023'	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/01/tiga-wanita-sarawak-kuasai-pentas-mrs-queen-of-the-world-malaysia-2023	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	KERANA WANITA, PEMUDA DITIKAM SAMPAI MATI	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/kerana-wanita-pemuda-ditikam-sampai-mati/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	PERMAISURI AGONG JADIKAN KANAK-KANAK WEREWOLF ANAK ANGKAT	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/permaisuri-agong-jadikan-kanak-kanak-werewolf-anak-angkat/	KOSMO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
29	REBUT HAK PENJAGAAN ANAK RUPANYA...	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1026068/rebut-hak-penjagaan-anak-rupanya	HMETRO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/01/rebut-anak-ibu-dakwa-anak-jadi-mangsa-dera-seksual-bapa/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
30	NIAT CURI KERETA PAKEJ CULIK 6 KANAK-KANAK	
	https://www.utusan.com.my/video/2023/11/niat-curi-kereta-pakej-culik-6-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/video-tak-pasal-pasal-disiasat-kes-culik-enam-budak/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
31	0.3 PERATUS KANAK-KANAK MALAYSIA BAWAH 5 TAHUN KURANG NUTRISI TERUK	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1171912/03-peratus-kanak-kanak-malaysia-bawah-5-tahun-kurang-nutrisi-teruk	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/risiko-makin-ramai-kanak-kanak-terbantut-kerana-makanan-bernutrisi-mahal/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
32	27.4 PERATUS PENDUDUK MALAYSIA KANAK-KANAK, REMAJA BAWAH 18 TAHUN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/274-peratus-penduduk-malaysia-kanakkanak-remaja-bawah-18-tahun-444233	ASTROAWANI.COM
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2240504	BERNAMA.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
33	BAYI 12 BULAN ALAMI PENDARAHAN DI KEPALA SELEPAS TIDAK SEDARKAN DIRI DI TASKA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1025981/bayi-12-bulan-alami-pendarahan-di-kepala-selepas-tidak-sedarkan-diri-di	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-lelaki-kritikal-akibat-pendarahan-di-kepala-444265	ASTROAWANI.COM
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bayi-12-bulan-tidak-sedarkan-diri-dalam-jagaan-taska-di-melaka-x8p9iak	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=RCDb2PY0H2M	YOUTUBE
	https://malysiagazette.com/2023/11/01/bayi-12-bulan-kritikal-dipercayai-diabai-pengasuh/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1171953/bayi-tidak-sedarkan-diri-selepas-dihantar-ke-taska	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2240724	BERNAMA.COM
	https://www.thesundaily.my/cerita/bayi-12-bulan-tidak-sedarkan-diri-dalam-jagaan-taska-di-melaka-MP11698114	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
34	BOT HABIS MINYAK, PASANGAN WARGA EMAS HANYUT KE FILIPINA	
	https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/01/bot-habis-minyak-pasangan-warga-emas-hanyut-ke-filipina/	FREEMALYSIATODAY.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/01/bot-habis-minyak-pasangan-warga-emas-ditemukan-selamat-di-perairan-filipina	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1025897/bot-habis-minyak-suami-isteri-hanyut-hingga-ke-filipina	HMETRO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
35	LELAKI WARGA EMAS MAUT KERETA TERBABAS LANGGAR POKOK, PAPAN TANDA	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/lelaki-warga-emas-maut-kereta-terbabas-langgar-pokok-papan-tanda/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/01/warga-emas-maut-tersepit-perodua-alza-langgar-pokok/	KOSMO.COM.MY
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2240607	BERNAMA.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/lelaki-warga-emas-maut-akibat-kereta-langgar-pokok/	BULETINTV3.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/lelaki-warga-emas-maut-selepas-kereta-langgar-pokok-NP11697569	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
36	BAYI MAUT SELEPAS MINUM SUSU	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1172038/bayi-maut-selepas-minum-susu	BHARIAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/632570/berita/semasa/bayi-58-hari-meninggal-dunia-semasa-tidur	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=CD6DKC06dZo	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bayi-meninggal-dunia-selepas-tak-sedarkan-diri-x8p9iaj	ASTROAWANI.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/bayi-perempuan-maut-dipercayai-tersebak-susu/	BULETINTV3.MY
	https://malaysiagazette.com/2023/11/01/bayi-58-hari-meninggal-dunia-dipercayai-tersebak-susu/	MALAYSIAGAZETTE.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

2/11/2023

BIL

PERKARA

SUMBER

37 WARGA EMAS MEMANDU MABUK DIDENDA RM10,000

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/01/warga-emas-memandu-mabuk-didenda-rm10000>

UTUSANBORNEO.COM.MY



TAJUK : BOT HANYUT HINGGA KE PERAIRAN FILIPINA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Bot hanyut hingga ke perairan Filipina

Pasangan warga emas hilang sejak Ahad lalu ditemui selamat

Oleh Hazsyah Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

Sandakan: Suami isteri warga emas yang dalam perjalanan dari Terusan Sugut ke Batu Putih, di sini berdepan detik cemas selepas bot dinaiki mereka hanyut hingga ke perairan Filipina akibat kehabisan minyak, Ahad lalu.

Md Asibih Tamang, 73, dan isteri Fatima Ulo, 65, dilaporkan hilang ketika dalam perjalanan ke rumah anaknya di Kampung Batu Putih dengan menaiki bot gentian kaca kira-kira jam 8 pagi.

Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Sandakan, Kepten Maritim Zaimudin Mohd Zuki, berkata pasangan itu sepatutnya tiba di rumah anak mereka dua jam kemudian.

Katanya, apabila mendapati pasangan itu tidak tiba pada waktu sepatutnya, menantu mereka membuat laporan kepada Maritim Malaysia berhubung kehilangan berkenaan.

"Selepas menerima laporan dari Pusat Operasi (PUSOP) Zon Maritim Sandakan, Maritime Rescue Sub Centre (MRSC) Kota Kinabalu mengaktifkan operasi mencari dan menyelamat (CARILAMAT) pada jam 6.30 petang hari yang sama.

"Bagaimanapun, pencarian pasangan itu ditamatkan selepas mereka dapat dihubungi dan dilaporkan berada dalam keadaan selamat di Pulau Mapun, Filipina, Isnin lalu.

"Mangsa diberikan bantuan



Md Asibih dan Fatima dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Sandakan selepas bot mereka hanyut ke perairan Filipina. (Foto ihsan APMM)

oleh nelayan tempatan yang kemudiannya menghantar mereka pulang dengan menggunakan kapal nelayan dan diserahkan kepada Maritim Malaysia berhampiran Tanjung Pamaguan," katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, pasangan itu kemudian dibawa ke Jeti Zon Maritim Sandakan untuk diserahkan kepada keluarga mereka kelmarin.

Bot habis minyak


Mengulas lanjut, Zaimudin berkata, mangsa memaklumkan mereka menuju ke Batu Putih dengan menjadikan Pulau Tikus sebagai panduan, namun tersesat sehingga bot kehabisan minyak berhampiran Pulau Lankayan.

"Mereka kemudiannya mendapatkan bantuan petugas yang berada di Pulau Lankayan untuk mengisi minyak.

"Bagi mengelakkan daripada tersesat untuk ke destinasi yang dituju, petugas berkenaan menasihati mereka supaya mengikuti sebuah kapal yang akan menuju ke Sandakan sebagai pandu arah.

"Bagaimanapun, selepas beberapa ketika mengikuti kapal berkenaan, Md Asibih memintas kapal terbabit dengan alasan ia bergerak terlalu perlahan dan khuatir berlakunya ribut.

"Malangnya, tindakan itu membuatkan mereka tersesat dan bot kehabisan minyak semula sehingga hanyut ke Pulau Mapun, Filipina," katanya.



TAJUK : BUDAK BAWAH USIS 5 TAHUN KEKURANGAN NUTRISI NAIK 0.3 PERATUS

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Budak bawah usia 5 tahun kekurangan nutrisi naik 0.3 peratus

Kuala Lumpur: Jumlah kanak-kanak bawah usia lima tahun mengalami kekurangan nutrisi yang teruk meningkat sedikit kepada 0.3 peratus pada tahun lalu berbanding 0.2 peratus pada tahun sebelumnya.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata melihat kepada aspek kesihatan, indikator kekurangan nutrisi yang dilaporkan dalam perangkaan berkenaan adalah berdasarkan kanak-kanak berusia bawah lima tahun yang hadir ke fasiliti kesihatan negara ini.

"Kanak-kanak negara ini yang berusia di bawah lima tahun yang mengalami kekurangan nutrisi yang sederhana turut meningkat daripada 0.1 peratus kepada 1.4 peratus tahun lalu, berbanding 1.3 peratus pada 2021.

Komposisi kanak-kanak di bawah usia lima tahun adalah berjumlah 2.35 juta dengan 1.21 juta kanak-kanak lelaki dan 1.14 juta kanak-kanak perempuan.

"Kumpulan umur ini membabitkan 25.7 peratus daripada jumlah kanak-kanak di Malaysia," katanya dalam kenyataan semalam.

Dalam pada itu, statistik juga menunjukkan jumlah kanak-kanak yang terbabit dengan jenayah tahun lalu pula menunjukkan penurunan sebanyak 12.8 peratus tahun lalu dengan 1,621 kes berbanding 1,481 kes pada 2021," katanya.


Beliau berkata berdasarkan anggaran penduduk negara tahun ini, jumlah kanak-kanak bawah usia 18 tahun ialah 9.13 juta membabitkan 27.4 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia, 33.38 juta.

Katanya, bilangan kanak-kanak lelaki dan perempuan di bawah usia 18 tahun masing-masing adalah 4.72 juta dan 4.42 juta.

Beliau berkata, Putrajaya merekodkan peratusan tertinggi kanak-kanak bawah 18 tahun tahun ini iaitu 41.1 peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk Putrajaya, yang berjumlah 120,000.

"Ia diikuti oleh Kelantan (34.4 peratus) dan Terengganu (33.5 peratus)," katanya.

"Kuala Lumpur mencatatkan peratusan terendah iaitu 22.6 peratus. Selangor merekodkan bilangan kanak-kanak di bawah usia 18 tahun tertinggi iaitu 1.81 juta, diikuti Johor (1.11 juta) dan Sabah (1.10 juta)," katanya.



TAJUK : DIDAKWA SERAH DOKUMEN PALSU TIPU PERKESO

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Didakwa serah dokumen palsu tipu PERKESO



Nur Kesuma dibawa ke Mahkamah Sesyen Alor Setar, semalam. (Foto BERNAMA)

Alor Setar: Seorang pemilik syarikat mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas tujuh pertuduhan mengemukakan dokumen mengandungi butiran palsu bagi menuntut insentif berjumlah RM24,500 di bawah Program Penjana Kerjaya 2.0, dua tahun lalu.

Nur Kesuma Kartini Mohamad Zahir, 41, pemilik syarikat Aisy Maju Abadi Trading didakwa memberikan tujuh borang Pengesahan Pekerja Program Insentif Pengambilan Pekerja atas nama syarikat itu kepada seorang ejen Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), bagi menuntut insentif berkenaan.

Tertuduh didakwa memperdaya PERKESO dengan mengemukakan semua dokumen yang mengandungi butiran palsu, iaitu tujuh individu yang dinamakan


dalam dokumen itu bukan pekerja Aisy Maju Abadi Trading.

Dia dituduh melakukan semua perbuatan itu di Pejabat PERKESO, Jalan Teluk Wanjah di sini pada 22 Jun 2021, mengikut Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama.

Seksyen itu membawa hukuman penjara maksimum 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai butir palsu itu atau RM10,000 mengikut mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Hakim Rohatul Akmar Abdullah membenarkan tertuduh yang kini berniaga kecil-kecilan, diikat jamin RM10,000 bagi semua pertuduhan dan menetapkan sebutan semula kes pada 5 Disember.

BERNAMA



TAJUK : HAKIM SEBAK BACA HUKUMAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Hakim sebak baca hukuman

Ibu tunggal
aniaya, abaikan
anak kandung
bersama rakan
serumah
dipenjar 14 tahun

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

Johor Bahru: Mahkamah Sesyen di sini, semalam, menjatuhkan hukuman penjara 14 tahun ke atas seorang ibu tunggal dan rakan serumah atas dua pertuduhan menganiaya serta mengabaikan anak kandungnya pada Ogos lalu.

Hakim VM Mabel Sheela menjatuhkan hukuman itu terhadap ibu tunggal, Nurul Asyiqin Mohamad Zahid, 27, dan rakan serumahnya, Awiin Chua, 30, selepas ditangguhkan pada 10 Oktober lalu kerana beliau cuti sakit.

Nurul Asyiqin dan Awiin masing-masing dihukum penjara tujuh tahun bagi setiap pertuduhan berkenaan. Bagaimanapun, mahkamah memerintahkan hukuman bagi kedua-dua pertuduhan itu berjalan serentak bermula dari tarikh tangkapan pada 12 Ogos lalu.

Mabel Sheela dalam penghakimannya, sebak ketika membayangkan penderitaan kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun itu yang didera dalam tempoh sebulan.

"Pertalian ibu dan anak adalah sangat istimewa. Kalau awak (merujuk kepada ibu mangsa) tanya anak, adakah dia mahu mengikut awak, pasti dia akan mahu ikut, walaupun tahu akan merasa sakit.

"Mahkamah tidak boleh membayangkan keadaan mangsa jika



Nurul Asyiqin dan Awiin Chua di Mahkamah Sesyen Johor, semalam.

(Foto Nur Aisyah Mazalan/BH)

keadaan berlarutan lebih lama dan tidak dibantu orang awam, pastinya mangsa akan meninggal dunia," katanya sebak.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Nur Diyana Zubir, manakala kedua-dua tertuduh diwakili peguam, Nurhazneena Zureen Jaesleen Mohamad Hanafiah.

20 kecederaan fizikal

Dalam penghujahannya, Nur Diyana memaklumkan terdapat lebih 20 kecederaan fizikal pada tubuh mangsa berdasarkan hasil pemeriksaan pakar perubatan.

Tempoh penderaan terhadap mangsa selama sebulan yang mana kedua-dua tertuduh mempunyai penjagaan terhadapnya

kerana kanak-kanak itu tinggal bersama mereka.

"Kekerapan setiap hari sejak 1 Julai hingga 9 Ogos lalu berdasarkan pengesahan luka lama dan baru serta parut tubuh badan mangsa dalam laporan perubatan.

"Mangsa bukan saja dipukul tetapi turut diabaikan dengan mangsa ditinggalkan keseorangan, dikunci di rumah tanpa makanan, serta tidak menghalang atau menyelamatkan mangsa apabila dipukul," katanya.

Mengikut kertas pertuduhan pertama, kedua-dua tertuduh didakwa mencapai niat bersama menganiaya seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun bawah pemeliharaan mereka

sehingga menyebabkan mangsa mengalami kecederaan fizikal.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa mencapai niat bersama mengabaikan kanak-kanak yang juga anak kedua ibu tunggal itu ketika mangsa bawah pemeliharaan mereka.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan di sebuah rumah dekat Jalan Wau Kikik 7, Bandar Layangkasa, Pasir Gudang, di sini, antara 1 Julai hingga 9 Ogos lalu.

Pendakwaan kedua-dua pertuduhan itu dibuat mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda hingga RM50,000 atau penjara maksimum 20 tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, kedua-dua tertuduh yang tiba di pekarangan mahkamah pada jam 9 pagi semalam dilihat tenang dan bersedia menerima hukuman yang bakal dijatuhkan hakim terhadap mereka.

Pada 16 Ogos lalu, ibu tunggal itu dan Awiin yang juga wanita berperwatakan lelaki, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Fatimah Zahari.

Bagaimanapun, pada 27 September lalu, kedua-dua mereka memukar pengakuan kepada bersalah, selepas pertuduhan terhadap mereka dibacakan semula oleh jurubahasa mahkamah di hadapan Mabel Sheela.

Awal Ogos lalu, media melaporkan seorang kanak-kanak lelaki disyaki menjadi mangsa dera kepada dua wanita yang mana seorang daripadanya adalah ibu kandungnya.

Kejadian menimpa kanak-kanak itu terbongkar selepas jiran menyerbu rumah diduduki dua beranak itu bersama kenalan ibu mangsa.



TAJUK :	KENAIKAN KOS SARA HIDUP JEJAS KESIHATAN IBU, BAYI		
HARI :	KHAMIS	AKHBAR :	BERITA HARIAN
TARIKH :	02 NOV 2023	M/SURAT :	06
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

Kenaikan kos sara hidup jejas kesihatan ibu, bayi

Kuala Lumpur: Peningkatan kos sara hidup terutama akibat kenaikan harga barang keperluan asas, menyebabkan sebilangan ibu bapa terpaksa mendapatkan makanan murah yang kurang atau tiada nutrisi, sekali gus dikhuatiri memberi kesan terhadap tahap kesihatan wanita hamil dan kemungkinan bayi dilahirkan mengalami masalah bantut.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni, berkata beliau bimbang dengan perubahan gaya hidup ibu bapa sekarang yang terkesan dengan kenaikan kos sara hidup.

“Saya juga bimbang dengan keadaan harga, kos kehidupan semakin meningkat, seperti barang keperluan yang mempunyai nutrisi apabila harganya meningkat.

“Ini menyebabkan ibu bapa memilih mendapatkan makanan

murah dan ibu hamil juga tidak mengambil nutrisi terbaik bagi memastikan anak dilahirkan sihat serta tidak berbantut.

“Bantut ini memberikan kesan agak besar kerana anak yang bantut lebih terdedah dengan penyakit seperti obesiti. Ini juga menyebabkan produktiviti tumbesaran anak terjejas.

“Jika kumpulan kanak-kanak ramai terbantut, produktiviti negara pada masa depan juga terjejas untuk mengeluarkan hasil terbaik kepada negara,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan dikemukakan Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (PH-Kuala Selangor) mengenai sejauh mana ukuran kumpulan yang agak terpinggir supaya kerajaan dapat menangani masalah bantut dengan baik.

Lukanisman turut mendedah-

kan ada pengusaha kantin di sekolah tertentu menyediakan menu sosej dan nasi melalui program Rancangan Makanan Tambahan (RMT) sedangkan murid terbabit sepatutnya disajikan makanan sihat dan berkhasiat.

Beliau berkata, isu nutrisi bukan saja dihadapi keluarga B40, malah turut berlaku dalam kalangan keluarga T20 sehingga terdapat anak daripada golongan isi rumah berkenaan mengalami masalah bantut.

“Saya setuju masalah bantut bukan saja tertumpu kepada golongan B40. Dalam rekod kami pada lima tahun lalu, masalah bantut berlaku di tiga negeri tertinggi seperti Kelantan dan Putrajaya termasuk dalam senarai tiga teratas.

“Populasi Putrajaya kebanyakan golongan berpendidikan tetapi mereka ini juga mengambil langkah mudah kerana kesibu-


“Ini menyebabkan ibu bapa memilih mendapatkan makanan murah dan ibu hamil juga tidak mengambil nutrisi terbaik bagi memastikan anak dilahir sihat serta tidak terbantut”



Lukanisman
Awang Sauni,
Timbalan Menteri
Kesihatan

kan dan pembinaan kerjaya lebih meluas. Jadi dari segi pemilihan, makanan segera sering diberi kepada anak mereka,” katanya.

Susulan itu, beliau menyarankan ibu bapa meluangkan masa memasak bersama-sama dan anak lebih tertarik kepada makanan mengandungi nutrisi.



TAJUK : KES BULI DI SEKOLAH SEMAKIN MENINGKAT

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Sidang Dewan Rakyat

Kes buli di sekolah semakin meningkat

KPM sedia pelbagai platform salur aduan, kerjasama atasi isu

Oleh Latifah Arifin dan Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) mendedahkan jumlah kes buli di sekolah terus melonjak tahun ini berbanding dua tahun lalu dengan 4,994 kes direkodkan setakat bulan lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan, Lim Hui Ying, berkata kes buli bagi 2021 lebih rendah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani gelombang COVID-19.

"Berdasarkan data Sistem Sahsiah Diri Murid (SSDM) KPM bagi tempoh tiga tahun, sejumlah 326 kes direkodkan pada 2021, manakala 3,887 kes pada 2022.

"Bagaimanapun, bagi 2023 sehingga bulan lalu, sebanyak 4,994 kes direkodkan dan siasatan sudah dijalankan bagi semua kes itu dan tindakan susulan diambil terutama dari segi bimbingan serta kaunseling," katanya.

Beliau berkata demikian keti-

ka menjawab soalan tambahan Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau) yang ingin tahu jumlah keseluruhan kes buli direkodkan sepanjang tahun dan apakah langkah diambil KPM bagi menanganinya.

Mengulas lanjut, Hui Ying berkata, bagi menangani gejala buli di sekolah, ia memerlukan pembabitian menyeluruh pelbagai pihak termasuk ibu bapa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

Jawatankuasa Anti Buli

Pada masa sama, katanya, kementerian mewujudkan Jawatankuasa Anti Buli di setiap jabatan pendidikan negeri bagi menangani gejala berkenaan.

"Antara inisiatif KPM termasuk mengeratkan hubungan murid dan guru melalui amalan guru penyayang di sekolah. Ia bertujuan menerapkan budaya penyayang dalam kalangan guru dan murid di sekolah, sekali gus meningkatkan hubungan

antara keduanya.

"Selain itu, KPM turut mengadakan kerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS).

"Ada seorang PPS di setiap sekolah yang mendampingi dan bekerjasama dengan pihak sekolah termasuk mengadakan program berkaitan buli, malah PPS juga akan melaporkan kes buli kepada KPM," katanya.

Hui Ying berkata, KPM turut mempelbagaikan platform aduan buli bagi membolehkan murid, ibu bapa dan orang awam membuat aduan terus kepada KPM dengan maklumat disalurkan itu adalah dilindungi.


"Ada empat saluran utama untuk aduan buli iaitu menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA), e-mel, talian telefon dan aplikasi WhatsApp.

"KPM juga tidak menolak untuk menambah guru kaunseling jika kes buli di sekolah terus meningkat," katanya.

“Bagi menangani gejala buli di sekolah, ia memerlukan pembabitian menyeluruh pelbagai pihak termasuk ibu bapa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat”

Lim Hui Ying,
Timbalan Menteri Pendidikan





TAJUK : MENGAKU TAK BERSALAH BUAT HANTARAN UGUT BUNUH BEKAS PM

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Mengaku tak bersalah buat hantaran ugut bunuh bekas PM

Ampang: Seorang pembantu klinik di Singapura didakwa di Mahkamah Sesyen semalam kerana membuat kenyataan jelik membabitkan pembunuhan bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, menerusi Facebook.

Bagaimanapun, Tai Zee Zing, 31, mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemuka di hadapan Hakim, Wan Mohd Norisham Wan Yaakob.

Mengikut pertuduhan, wanita itu didapati menggunakan Facebook melalui profil 'Penny Tai' secara sedar membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik, iaitu *Can hired killer to kill new Prime Minister?* (Boleh mengupah pembunuh untuk bunuh Perdana Menteri baharu?) dengan niat menyakitkan hati orang lain.

Kesalahan di Balai Polis Ampang, Ampang, jam 12.35 tengah hari, 1 Mac 2020, mengikut Seksyen 233(1)(a)(i) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 233(3) akta sama.

Seksyen terbabit memperuntukkan denda tidak lebih RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya dan boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas sabitan, jika disabitkan kesalahan.

Susulan pengakuan tidak bersalah itu, Timbalan Pendakwa Raya, Hakim Amir Abdul Hamid, mencadangkan jaminan RM20,000 terhadap tertuduh yang disifatkan sebagai munasabah dengan seorang penjamin.

"Syarat tambahan melaporkan diri di balai polis berdekatan setiap bulan dan pasport diserahkan kepada mahkamah," katanya.

Bagaimanapun, peguam bela Zee Zing, Rajsurlan Pillai, berkata cadangan jaminan terlalu tinggi.

"Anak guam bujang dan kerja di klinik dengan gaji RM3,000 sebulan, selain perlu menyara ibu bapa.

"Adik tertuduh yang juga peguam hadir untuk menjadi penjamin. Saya turut membantah syarat tambahan kerana anak guam sedang melanjutkan pelajaran di Singapura dalam Diploma Pengurusan Perniagaan," katanya.

Hakim membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, namun tidak menetapkan sebarang syarat tambahan memandangkan tertuduh sedang melanjutkan pelajaran di Singapura.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 20 Disember.



TAJUK : WANITA MAUT DISYAKI DILANGGAR, DITIKAM RAKAN KONGSI

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 18

STONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Wanita maut disyaki dilanggar, ditikam rakan kongsi

Kuala Terengganu: Seorang peniaga wanita ditemukan mati dengan 15 kesan tikaman di anggota badan, di tepi jalan besar Kuala Berang berhampiran Pejabat Agama Hulu Terengganu, di sini pagi semalam.

Mayat mangsa berusia 65 tahun ditemui seorang pengawal keselamatan dalam longkang di kawasan berkenaan pada jam 4.35 pagi.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan, berkata siasatan awal mendapati mangsa dipercayai dilanggar suspek wanita

yang juga rakan kongsinya berusia 35 tahun.

Beliau berkata, mangsa dan suspek sebelum itu menaiki kenderaan jenis Honda Jazz dan berlaku pertengkaran antara mereka.

Katanya, mangsa dikatakan turun daripada kereta itu sebelum dilanggar suspek dan tercampak ke dalam longkang.

"Suspek kemudian keluar dari kenderaan itu dan bertindak menikam mangsa sebelum meninggalkan lokasi dengan menumpang sebuah van.

"Suspek kemudian berjaya ditahan di rumahnya di Wakaf Tapai, Marang kira-kira jam 11 pagi," katanya pada sidang media, di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Terengganu, di sini semalam.

Mazli berkata, berdasarkan siasatan awal, polis percaya kejadian berpunca daripada rasa tidak puas hati berhubung agihan keuntungan perniagaan pakaian dan tudung yang diusahakan mereka sejak lima tahun lalu.

Beliau berkata, pihaknya turut merampas sebilah pisau pemotong

daging yang dibuang suspek berhampiran rumahnya.

"Kereta Honda Jazz yang ditinggalkan di lokasi kejadian adalah milik suami suspek dan selepas kejadian itu, suspek dikatakan menahan kenderaan yang melalui kawasan berkenaan untuk pulang ke rumahnya.


"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Hulu Terengganu sebelum dipindahkan ke Hospital Sultanah Nur Zahirah Kuala Terengganu untuk bedah siasat.

"Suspek akan dibawa ke

mahkamah bagi mendapatkan perintah reman dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, mayat wanita berusia lingkungan 50 hingga 60-an dipercayai dibunuh ditemukan dalam longkang berdekatan Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Terengganu di Jalan Batu 23, Kuala Berang.

Mayat mangsa dipercayai warga tempatan ditemukan dalam keadaan tertiarap oleh orang awam kira-kira jam 3 pagi semalam.



TAJUK : 4,994 KES BULI DI SEKOLAH SETAKAT OKTOBER

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 16

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

4,994 kes buli di sekolah setakat Oktober

Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan (KPM) mendedahkan jumlah kes buli di sekolah terus melonjak dengan 4,994 kes direkodkan setakat Oktober tahun ini.

Angka itu menunjukkan peningkatan kes salah laku buli di sekolah berbanding 2021 dan tahun lalu.

Timbalan Menteri Pendidikan Lim Hui Ying berkata, kes buli bagi 2021 lebih rendah disebabkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi menangani gelombang Covid-19.

"Berdasarkan data Sistem Sahsia Diri Murid (SSDM) KPM bagi tempoh tiga tahun, 326 kes direkodkan pada 2021.

"Bagi tahun lalu, sebanyak 3,887 kes direkodkan dan untuk tahun ini, sehingga Oktober lalu, 4,994 kes direkodkan.

"Siasatan sudah dijalankan bagi semua kes ini dan tindakan susulan turut sudah diambil, terutama daripada segi bimbingan dan kaunseling," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan **Datuk Muhammad Bakhtiar Wan Chik (PH-Balik Pulau)** yang in-



TANGKAP layar rakaman video seorang pelajar tingkatan tiga ditumbuk pelajar senior pada Mei lalu.

gin tahu jumlah keseluruhan kes buli yang direkodkan sepanjang tahun dan apa langkah diambil KPM bagi menanganinya.

Mengulas lanjut, Hui Ying berkata, bagi menangani gejala buli di sekolah, ia memerlukan pembabitatan menyeluruh pelbagai pihak termasuk ibu bapa, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

Pada masa sama, katanya, kementerian sudah mewujudkan Jawatankuasa Anti Buli di setiap Jabatan Pendidikan Negeri bagi menangani gejala berkenaan.

"Antara inisiatif KPM termasuk mengeratkan hubungan murid dan guru melalui amalan guru penyayang di sekolah. Ia bertujuan menerapkan budaya penyayang dalam kalangan

guru dan murid di sekolah, sekali gus meningkatkan hubungan antara keduanya.


"Selain itu, KPM turut mengadakan kerjasama erat dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) melalui pegawai perhubungan sekolah (PPS)

"Ada seorang PPS di setiap sekolah yang mendampingi dan bekerjasama dengan pihak sekolah termasuk mengadakan program berkaitan buli, malah PPS juga akan melaporkan kes buli kepada KPM," katanya.

Tambahnya, KPM turut mempelbagaikan platform bagi aduan buli bagi membolehkan murid, ibu bapa dan orang awam membuat aduan terus kepada kementerian itu dengan maklumat disalurkan itu adalah dilindungi.

"Ada empat saluran utama untuk aduan buli iaitu menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (Sispa), e-mel, talian telefon dan aplikasi WhatsApp.

"KPM juga tidak menolak untuk menambah guru kaunseling sekiranya kes buli di sekolah terus meningkat," katanya.



TAJUK : BUDAK SURUHAN ALONG BERUSIA 16 TAHUN ANTARA 8 DITAHAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 02 NOV 2023

M/SURAT : 02

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

KHIANAT GUNA API, CAT

Budak suruhan along berusia 16 tahun antara 8 ditahan

Johor Bahru: Remaja bawah umur antara lapan lelaki yang ditahan polis kerana melakukan khianat dengan api, menyimbah cat dan ugut mangsa ceti haram di negeri ini.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berkata, suspek berusia 16 hingga 43 tahun itu ditahan menerusi beberapa siri serbuan di Kota Tinggi, Seri Alam dan Segamat antara 22 hingga 25 Oktober lalu.

Beliau berkata, siasatan mendapati kumpulan samseng upahan itu aktif sejak Ogos lalu dan mendapat upah RM600 untuk melakukan khianat simbah cat manakala RM1,000 sebagai upahan melakukan khianat

dengan api.

"Mereka melakukan gangguan berkenaan terhadap mangsa yang gagal melangsaikan pinjaman dengan ceti haram.

"Hasil serbuan polis berjaya merampas barangan termasuk 15 telefon bimbit, tong cat warna merah, tin semburan cat warna hitam, nota ugutan, sarung tangan dan topeng plastik.

"Turut dirampas sebuah kereta Perodua Bezza, sebuah Proton Saga," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Terdahulu beliau menyaksikan Majlis Pemaka-



KAMARUL Zaman

ian Pangkat dan Majlis Serah Terima Tugas Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Negeri Johor antara Senior Asisten Komisioner Kamaruzaman Elias dengan Senior Asisten Komisioner

Hoo Chuan Huat.

Kamarul Zaman berkata, menerusi tangkapan berkenaan, polis berjaya menyelesaikan 45 kes berkaitan di Johor Bahru, Iskandar Puteri, Kulai, Kluang, Seri Alam, Kota Tinggi, Muar, Pontian, Batu Pahat dan Segamat manakala empat kes di Melaka dan satu kes di Negeri Sembilan.

Beliau berkata, modus operandi sindiket berkenaan adalah mengiklankan tawaran pinjaman di laman sosial Facebook (FB) dengan menggunakan ayat pinjaman wang berlesen Singapura bagi memperdaya mangsa.

Menurutnya, apabila pe-

